

# Bekas

# PM

## tetap setia

## dengan Umno

**P**UTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan beliau tidak akan bersekongkol dengan parti pembangkang termasuk Pas kerana masih setia dengan Umno yang pernah dipimpinnya selama 22 tahun.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau juga tidak bercadang menubuhkan sebarang parti politik baru kerana gembira dengan kedudukannya sekarang sebagai pesara.

Sambil menolak saranan Dewan Pemuda Pas supaya beliau kembali berpolitik sebagai 'Ketua Pembangkang Negara', Dr Mahathir berkata: "Tidak, saya tidak akan.... mempunyai apa-apa (hubungan) dengan Pas kerana saya tidak fikir ia sebuah parti Islam sama sekali. Ia adalah bentuk pemesongan daripada ajaran sebenar Islam dan apa yang dicadangkan Pas tidak praktikal."

Dr Mahathir berkata, mungkin Pas memikirkan parti itu boleh memperalatkannya, tetapi menegaskan: "Saya tidak ingin diperalatkan sesiapa saja."

Ketua Pemuda Pas Pusat, Salahuddin Ayub dalam ucapan dasarnya pada Muktamar Dewan Pemuda Pas ke-47 di Alor Star antara lain mencadangkan Dr Mahathir memainkan peranan memimpin barisan pembangkang.

Menjawab soalan wartawan asing sama ada beliau bercadang menubuhkan sebuah parti politik, bekas Presiden Umno itu berkata beliau tidak akan berbuat demikian.

Malah, katanya, selepas dipecat daripada Umno pada 1969, beliau tetap setia kepada parti itu dan tidak pernah berhasrat menyertai mana-mana parti pembangkang.

"Bukan sebab emosional tetapi, semata-mata kerana saya berpendapat, mereka (pembangkang) tidak boleh menawarkan apa-apa untuk negara ini.

Oleh itu, saya tidak akan menubuhkan parti sendiri. Saya sentiasa menyokong kuat Umno," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Sidang akhbar itu diadakan bagi mengumumkan pengumuman forum keamanan bertajuk 'Memerangi jenayah perang. Hentikan Perang Dunia Keempat (kemunculan perang nuklear)'. Forum itu yang akan diadakan di ibu negara pada 21 Jun ini, dianjurkan Yayasan Kepemimpinan Perdana.